



Merakyatkan SPRM



Siasatan
Berpaksikan
Prinsip
Bebas Telus
Profesional

m/s 4

Unit
Integriti
m/s 6

Trend
Tangkapan
m/s 10

Begini
Sudahnya

m/s 12

Informasi
dikongsi
RASUAH
dihindari

KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM CPI MENINGKAT



BULETIN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Sidang REDAKSI

PENERBIT

Tan Sri Abu Kassim Mohamed

PENERBIT ESEKUTIF

Datuk Sutinah Sutan

PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL

Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil

KETUA EDITORIAL

Samsul Salip

EDITOR

Muhammad Yusof Bahir

WARTAWAN

Faridah Mahabob

KETUA REKABENTUK GRAFIK

Lee Cheng Teik

PEREKA GRAFIK

Zulhilmi Hafiz Zainal

UNIT FOTO

Rosman Abu Bakar

Muhammad Multazam Mohd. Shuhaini

UNIT PENGEDARAN

Azizi Arifin

Yusof Mohamad Saberi

kandungan

KANDUNGAN/ SIDANG REDAKSI

02

PENA PENGARANG

03

SPRM Berpaksikan Prinsip Bebas, Telus dan Profesional

04

Amanat Ketua Pesuruhjaya SPRM

05

INFO UNIT INTEGRITI

06

LENSA SPRM

08

Lensa SPRM

08

Rencana Khas

10

Trends dan Patterns Rasuah di Malaysia

11

Diari I.O

12

Merakyatkan SPRM dan Belangsongkawa

13

SPRM Terengganu bersama ADUN

14

Senarai Ikrar Integriti 2013

15

PERCETAKAN Info Meditasi Sdn. Bhd. No. 44, Jalan Seri Aman, Taman Seri Aman, Cheras, 43200, Cheras, Selangor, 43200, Malaysia
TEL 03-9074 9550 **FAKS** 09-9074 9550 **PENERBIT/ PENGEDAR/ PROMOSI** Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Aras 4, Blok D6, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Peti Surat 6000, 62007 Putrajaya.

Kejayaan Malaysia memperbaiki kedudukan dalam kajian Corruption Perception Index (CPI) dari tangga 54 ke tangga 53 melibatkan 177 negara berdasarkan kajian yang dibuat selama 24 bulan menjadi penutup tirai 2013 bagi Suruhanjaya Pencegahan Malaysia (SPRM). Penambahbaikan ini membuktikan usaha-usaha yang dilakukan oleh SPRM sepanjang 2013 telah membuahkan hasil.

Mengimbas kembali suka duka perjalanan 2013, SPRM memfokuskan untuk melaksanakan elemen-elemen pencegahan dalam usaha menyebarkan informasi-informasi mengenai rasuah. Antara pendekatan yang berjaya dilaksanakan pada tahun 2013 adalah seperti kempen-kempen melalui media massa dan media interaktif, penerangan melalui ceramah, penerangan melalui pameran, penerangan melalui siri jelajah, penerbitan bahan-bahan bacaan, pelaksanaan Ikrar Integriti Korporat (CIP) serta beberapa lagi inisiatif lain.

Selain itu, melalui inisiatif NKRA Membanteras Rasuah SPRM mula mengorak langkah dengan mendekati ahli-ahli politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat. Objektif utama tidak lain tidak bukan adalah untuk menyampaikan maklumat yang tepat kepada semua lapisan masyarakat melalui pemimpin-pemimpin mereka. Hal ini boleh dilihat semasa Pilihanraya Umum ke 13 yang dilihat lebih bersih dan telus serta kurangnya aduan berkaitan salah laku mahupun rasuah yang dilaporkan.

Di samping itu, SPRM terus konsisten dan bersungguh-sungguh dalam memberikan perhatian dan penekanan terhadap usaha untuk meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat terhadap Suruhanjaya ini sepertimana yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berdasarkan Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan SPRM yang dilaksanakan pada tahun 2012 oleh sebuah universiti tempatan. Melalui hasil kajian ini, menunjukkan tahap keyakinan masyarakat terhadap keberkesanan SPRM telah meningkat daripada 64% ke 65.8% pada tahun 2013. Sementara itu, kerjasama masyarakat kepada SPRM turut memberikan impak yang positif apabila meningkat kepada 78.2% pada tahun ini berbanding 77.8% pada tahun 2012.

SPRM turut berbangga apabila menerima pengiktirafan daripada United Nations Conventions Against Corruption (UNCAC) ke atas kejayaan 23 pematuhan dan amalan baik yang dilaksanakan Malaysia dalam usaha memerangi rasuah.

Akhir kata daripada saya, Selamat Tahun Baru 2014 dan ayuh kita bulatkan tekad dan semangat serta azam di tahun baru ini untuk memartabatkan SPRM di mata dunia. Semoga kehadiran tahun 2014 ini membawa kejayaan dan impak yang lebih besar buat SPRM!

Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil
Penasihat Eksekutif Editorial

Buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan dan Promosi Media, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan berkonsepkan "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari". Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan IPTA/ IPTS seluruh negara.



Menerajui Bahagian Siasatan selama 7 tahun, banyak cabaran yang telah dilalui. Namun, semua itu tidak pernah mematahkan semangat beliau untuk terus mengemudi bahagian tersebut. Menurut beliau, tugas seorang Pengarah Siasatan bukan sahaja terlibat dengan aspek perancangan operasi, bahkan turut terlibat secara langsung dalam operasi dan pemantauan.

Dalam menjalankan semua tindakan berkaitan penyiasatan dan operasi, SPRM sentiasa berpegang kepada prinsip bebas, telus dan profesional. Bagi memastikan perjalanan siasatan SPRM bebas daripada pengaruh mana-mana pihak, bahagian ini dipantau oleh Panel Penilaian Operasi (PPO) yang diketuai oleh Yang Berbahagia Tan Sri Hadenan bin Abdul Jalil. Panel ini merupakan mekanisme 'check and balance' terhadap kes-kes penyiasatan yang dijalankan dan sebab sesuatu kes diperakukan untuk didakwa atau ditutup. Selain PPO, terdapat empat lagi jawatankuasa yang turut memantau segala aktiviti SPRM.

Bagi memastikan ketelusan dalam kes-kes SPRM, pelbagai tindakan pembaharuan selaras dengan cadangan daripada Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) kes Teoh Beng Hock yang menyenaraikan 62 cadangan penambahbaikan kepada SPRM yang mana 59 cadangan telah diterima dan usaha-usaha untuk melaksanakan cadangan tersebut telah dan sedang dijalankan.

Antara yang telah dilaksanakan adalah pembinaan Bilik Temubual Bervideo (VIR) di semua premis SPRM. Tujuan pembinaan bilik tersebut adalah bagi menangkis dan membuktikan bahawa pegawai-pegawai menjalankan tugas berpandukan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Tindakan ini merupakan antara fokus dalam inisiatif yang dirangka di bawah program transformasi. Semenjak pembinaan bilik ini juga, tohmahan-tohmahan yang sering dilemparkan kepada SPRM terutamanya ketika disoal siasat berjaya ditangani.

Bagi memastikan SPRM tidak dipengaruhi mana-mana pihak, lima badan pemantau bebas yang terdiri daripada bekas-bekas pegawai kanan kerajaan, ahli-ahli politik terdiri daripada parti kerajaan dan pembangkang, golongan profesional daripada kalangan ahli perniagaan, tokoh korporat, ahli akademik, peguam dan personaliti yang disegani. Kelima-lima jawatankuasa ini merupakan mekanisme 'check and balance' bagi SPRM yang secara tidak langsung menafikan bahawa SPRM boleh bertindak

Siasatan SPRM

Berpaksikan Prinsip Bebas, Telus Dan Profesional

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sentiasa menjadi bahan tohmahan. Ramai yang mempertikaikan kebolehan dan kebebasan SPRM dalam melaksanakan siasatan ke atas sesuatu kes. Umum mengetahui SPRM hanya boleh menyiasat sesuatu aduan dan pendakwaan serta sabitan kes akan dibuat oleh pihak Jabatan Peguam Negara dan hakim yang terlibat. Bagi merungkai persoalan ini, kami mendapatkan jawapan daripada Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Yang Berbahagia Datuk Haji Mustafar bin Ali.

memilih bulu dalam kes rasuah. Tidak ada mana-mana pihak yang boleh mengarahkan SPRM untuk menyiasat atau tidak menyiasat sesuatu aduan yang telah dibuat.

SPRM terus berusaha memperbaiki tahap profesionalisma setiap pegawainya. Sekiranya terdapat aduan atau dakwaan yang mengaitkan pegawai-pegawai SPRM melakukan kesalahan atau tindakan agresif, sudah pasti tindakan sewajarnya akan diambil. Pegawai-pegawai SPRM juga sentiasa diberi latihan dari semasa ke semasa dalam usaha untuk memastikan setiap pegawai bertindak secara profesional dalam menjalankan tugas. Justeru, apabila ada tulisan yang mendakwa pegawai-pegawai SPRM bertindak keterlaluan dalam menjalankan siasatan, adalah tidak berasas.

Tidak dinafikan SPRM masih lagi berusaha untuk menjadi antara agensi pencegahan rasuah yang terbaik bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Masih lagi terdapat kekurangan yang perlu diperbaiki dari semasa ke semasa. Namun begitu, SPRM berbangga apabila usaha-usaha ini semakin membuahkan hasil. Berdasarkan statistik tangkapan, terdapat penurunan sebanyak 192 tangkapan iaitu daripada 701 tangkapan pada tahun 2012 kepada 509 tangkapan pada tahun 2013. Ini membuktikan tahap kesedaran orang ramai semakin meningkat. Kajian yang dibuat oleh sebuah universiti tempatan juga menunjukkan tahap keyakinan masyarakat terhadap keberkesanan SPRM telah meningkat daripada 64% ke 65.8% pada tahun 2013.

SPRM tidak akan berjaya mencapai matlamatnya tanpa sokongan daripada masyarakat. SPRM sentiasa berharap masyarakat dari segenap lapisan bersama-sama berganding bahu dalam memastikan matlamat untuk menghapuskan budaya rasuah ini tercapai. Sebarang cadangan penambahbaikan dan pertanyaan mengenai rasuah sangat dialu-alukan.

Amanat KETUA PESURUHJAYA SPRM



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Alhamdullillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izinNya kita dapat mengharungi cabaran dan dugaan sepanjang tahun 2013 dengan jayanya. Sesungguhnya, 2013 merupakan tahun yang amat bermakna kepada Suruhanjaya, kerana ia telah menyaksikan lengkapnya "roll out" inisiatif PMO Operasi dan PMO Modal Insan di bawah payung Program Transformasi SPRM. Pada masa yang sama juga, PMO Pencegahan telah dibentuk bagi memperkasakan jentera Suruhanjaya dalam memerangi jenayah rasuah.

Kita perlu bersyukur kerana lembaran tahun 2014 ini dimulai dengan berlatarbelakangkan pelbagai kejayaan dan pencapaian hasil berkat usaha bersama sepanjang tahun 2013. Corruption Perception Index (CPI) bagi tahun 2013 telah menunjukkan peningkatan kepada skor 5.0 berbanding 4.9 tahun pada tahun 2012 dan 4.4 pada tahun 2011. Di samping itu, keyakinan masyarakat Malaysia terhadap SPRM turut meningkat kepada 65.67 peratus berbanding 64 peratus pada tahun sebelumnya. Kejayaan ini merupakan hasil daripada komitmen dan kerjasama semua warga dalam menjayakan misi yang telah diamanahkan.

Di peringkat antarabangsa, kita juga menerima banyak pengiktirafan, antaranya penilaian UNCAC ke atas kejayaan melengkapkan dan menyiapkan pelaksanaan keperluan Chapter III (Criminalization & Laws Enforcement) dan Chapter IV (International Cooperation), United Nations Convention Against Corruption dalam tempoh kurang daripada setahun. Selain itu, kita juga telah dilantik sebagai Naib Presiden Pertubuhan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa (IAACA) pada persidangan dan mesyuarat tahunan yang berlangsung di Panama City, Panama November lalu.

Saya juga amat berbangga dengan pencapaian Program Transformasi SPRM di mana lebih 20 inisiatif telah diperkenalkan, antaranya melibatkan pengenalan standard temu bual baru yang dikenali sebagai MACC PEACE, pembangunan Bilik Temu Bual Bervideo (VIR), Bilik Gerakan Operasi Siasatan (BGOS), mewujudkan Pasukan Kerja Siasatan Proaktif melalui pendekatan Intelligence Based Investigation, kaedah Managing Team Based Investigation (MTI), Complaint Management System, Biometric Door Access dan penambahbaikan dalam pembangunan modal insan.

Kesan inisiatif ini amat positif. Kita telah berjaya mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan warga sekali gus melonjakkan imej SPRM di mata masyarakat. Antaranya, kadar sabitan meningkat

daripada 54 peratus pada tahun 2009 kepada 85 peratus pada tahun lalu, di mana paras 85 peratus ini telah melepasi standard antarabangsa. Selain itu, pengenalan dan penggunaan kaedah MACC PEACE dan VIR dalam penyiasatan turut berjaya mengurangkan kes dakwaan kekerasan ketika siasatan daripada 26 kes pada tahun 2008 kepada sifar kes pada tahun 2013. Bagi pembangunan modal insan, kita juga berjaya memperkasakan keupayaan keanggotaan dengan kelulusan 105 jawatan baru serta pengambilan pakar-pakar luar dalam beberapa bidang khusus seperti forensik, perundangan dan komunikasi strategik.

Kesinambungan Program Transformasi ini akan diteruskan dengan PMO Pencegahan di mana pendekatan dan strategi pencegahan akan dipertingkatkan bagi menghasilkan impak yang lebih berkesan. Kita berharap agar, transformasi di lapangan ini berjaya mengekang perlakuan rasuah secara lebih efektif melalui penglibatan dan sokongan langsung masyarakat Malaysia. Transformasi ini juga akan membawa perubahan yang besar dalam metodologi pencegahan untuk menghasilkan outcome dan impak yang lebih tinggi seiring dengan kehendak semasa.

Tahun 2014 dijangka menjadi tahun yang lebih mencabar kepada Suruhanjaya. Usaha juga sedang diambil untuk memperkasakan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Tanpa sokongan dan kerjasama seluruh warga SPRM, semua inisiatif yang telah dirangka tidak akan menjadi kenyataan sepertimana dihasratkan. Namun begitu, saya yakin dan percaya bahawa jentera SPRM kini berada di landasan yang lebih kukuh untuk merealisasikan objektif transformasi dan Aspirasi SPRM.

SPRM sesungguhnya ialah sebuah organisasi di mana tanggungjawab pencegahan rasuah negara diamanahkan kepada kita, dan dikongsi bersama oleh semua warga SPRM. Keberkesanan pencegahan rasuah sebenarnya terletak di bahu setiap warga atas nama Suruhanjaya. Oleh itu, saya berharap setiap daripada kita akan bersama-sama membudayakan dan mengamalkan transformasi demi merealisasikan destini SPRM sebagai agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

Akhir kata, saya mendoakan agar Tahun 2014 ini menjanjikan kerahmatan kepada semua warga SPRM khususnya dan seluruh masyarakat Malaysia umumnya.

Selamat Tahun Baru 2014.



Unit INTEGRITI

1. Berapakah jumlah Kementerian yang telah menubuhkan unit integriti pada ketika ini?

Selaras dengan Pekeliling perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013, sebanyak 8 agensi telah menubuhkan Unit Integriti (UI) terdiri daripada 3 Kementerian, 7 Jabatan, 1 Badan Berkanun Persekutuan dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan. Agensi-agensinya ialah:

- Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Kewangan
- Kementerian Dalam Negeri
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Polis Diraja Malaysia
- Jabatan Pengangkutan Jalan
- Jabatan Perkhidmatan Awam
- Jabatan Imigresen Malaysia
- Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM
- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Lain-lain agensi sedang dalam proses menubuhkan UI masing-masing. Proses penubuhan melibatkan Agensi memohon perjawatan secara pindah butiran (bukan perjawatan baru tetapi menggunakan perjawatan sedia ada) daripada pihak JPA dan berikutnya mendapatkan kelulusan waran perjawatan/struktur daripada perbendaharaan. Kita menjangkakan sebelum akhir tahun ini proses ini akan selesai dan lebih banyak lagi Agensi yang dapat menubuhkan UI.

2. Bagaimana/prosedur untuk memilih dan menempatkan pegawai SPRM di jabatan kerajaan?

Pegawai-pegawai SPRM dipilih di kalangan mereka yang mempunyai pengalaman di bidang Siasatan dan Pencegahan serta keupayaan mereka untuk menjalankan tugas di Unit Integriti Agensi. Pegawai-pegawai yang dipilih adalah merupakan pegawai-pegawai kanan terdiri daripada pegawai gred P54 dan P44. Nama-nama pegawai akan disenarai pendek dan diangkat kepada Pengurusan Tertinggi SPRM untuk dimuktamadkan.

3. Bagaimana SPRM memantau/menilai pegawai SPRM yang telah ditempatkan di jabatan kerajaan?

Pegawai-pegawai SPRM yang ditempatkan di UI akan dipantau/dinilai oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM melalui pelaporan berkala dan mesyuarat berkala. Selain itu, BPIA dan pegawai-pegawai ini juga sering berbincang mengenai inisiatif-inisiatif penginstitutionan integriti yang dilaksanakan di agensi-agensinya berkenaan. Ini bertujuan supaya semua inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan adalah menepati keperluan dan situasi agensi berkenaan dan boleh memberikan impak yang berkesan. Di samping itu, pegawai-pegawai SPRM di UI ini boleh mendapatkan bantuan SPRM melalui BPIA atas apa-apa urusan bagi melaksanakan tugas mereka itu.

4. Berapa lama pegawai SPRM ditempatkan di sana?

Untuk permulaan, pegawai-pegawai SPRM ditempatkan selama 2 tahun.

5. Apakah fungsi sebenarnya pegawai SPRM ini. (Ketua Unit Integriti)

Pegawai-pegawai SPRM yang ditempatkan sebagai Ketua UI bertanggungjawab untuk menguruskan dan melaksanakan

inisiatif-inisiatif penginstitutionan integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif dengan secara yang lebih fokus, terancang, efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum. Tugas ini dilaksanakan bersama-sama dengan pegawai-pegawai agensi itu sendiri yang juga turut menganggotai UI ini. Mereka perlu melaksanakan fungsi teras UI iaitu:

- Tadbir Urus - Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;
 - Memastikan tadbir urus organisasi yang melibatkan isu integriti bagi membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dilaksanakan secara efektif
 - Bekerjasama dengan pasukan JKTU agensi dalam hal-hal yang melibatkan tadbir urus melalui pengharmonian fungsi di antara kedua-dua entiti
 - Menyalurkan dapatan hasil pengesanan dan pengesahan pelanggaran integriti yang melibatkan isu dasar serta sistem dan prosedur kepada pasukan JKTU untuk tindakan selanjutnya oleh pasukan berkenaan
 - Mencadangkan penambahbaikan, peningkatan serta pembaharuan kepada dasar/ arahan/ sistem dan prosedur dalam organisasi kepada pasukan JKTU agensi
- Pengukuhan Integriti - Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;
 - Mengenal pasti problematic areas dan merekabentuk inisiatif yang bersesuaian dan efektif untuk menangani masalah di sektor berkenaan (identify and addressing the issues)
 - Melaksanakan kajian ke atas data-data dalaman atau luaran yang diperolehi dan membuat analisa dapatan berkaitan jenis kesalahan, sektor problematic areas, kekerapan kesalahan, trends dan sebagainya
 - Memastikan pelaksanaan dan penginstitutionan nilai-nilai integriti dalam organisasi
 - Memantapkan amalan nilai-nilai murni melalui tindakan kesedaran (awareness), pendidikan
- Pengesanan dan Pengesahan:
 - Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
 - Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;
 - Mengesan, melalui sumber-sumber dalaman atau luaran, salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dan melaporkan serta mengambil tindakan susulan yang berkaitan
 - Menjalankan penyiasatan awal dalaman untuk mengesahkan wujudnya asas pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta mengemukakan hasil siasatan kepada pihak urus setia tatatertib bagi tindakan susulan
 - Menyelaras pelaksanaan penyiasatan aduan atau kes salah laku tatatertib
 - Melaporkan kes bersifat jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab
- Pengurusan Aduan - Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta

pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;

- Menerima dan mengambil tindakan melalui pembentukan suatu mekanisme bebas (seperti jawatankuasa aduan) terhadap semua maklumat atau aduan berkaitan integriti yang melibatkan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi
 - Memberi nasihat dan panduan kepada pengadu dalaman atau luaran serta pertanyaan berkaitan dengan integriti yang melibatkan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi
 - Menguruskan saluran aduan samada dengan mewujudkan atau mengasingkan saluran aduan/maklumat khusus untuk salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi kepada staf dalaman dan pihak luar
- e) Pematuhan - Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- Melaksanakan dan/atau bekerjasama dengan unit-unit pematuhan khusus seperti bahagian audit dalaman, jika ada, dalam hal-hal yang berkaitan dengan pelanggaran tatakelakuan dan ketidakpatuhan prosedur kerja bagi tindakan susulan oleh unit integriti dalam aspek tatatertib
 - Mengadakan pemeriksaan berjadual dan tidak berjadual terhadap dasar, undang-undang, kod etika dan peraturan yang berkaitan dengan tatakelakuan dan etika organisasi
 - Melaksanakan kajian hasil dapatan pematuhan berkaitan keberkesanan pelaksanaan dan ketidakpatuhan terhadap dasar, undang-undang dan peraturan bagi tindakan susulan
- f) Tatatertib - Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.
- Memastikan kes-kes tatatertib semasa dan tertunggak diselesaikan segera terutamanya yang memerlukan keputusan panel tatatertib
 - Menjadi urus setia dan melaksanakan prosedur tatatertib dan surcaj untuk pertimbangan lembaga tatatertib sehingga kes selesai
 - Melaksanakan kajian analisa ke atas data-data kes tatatertib untuk mengenalpasti isu, trends, sektor bagi cadangan penambahbaikan penginstitutionan integriti di agensi

6. SPRM menempatkan pegawai di Unit Integriti mengikut risiko rasuah masing-masing, sila nyatakan beberapa jabatan kerajaan yang berisiko tinggi, sederhana dan rendah.

SPRM menjalankan penarafan risiko ke atas Agensi-agensi berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

- Pengiraan 'weightage' data-data perangkaan SPRM dari tahun 2009 hingga 2012 iaitu jumlah maklumat rasuah yang diterima oleh SPRM, jumlah kertas-kertas Siasatan, risikan dan Pemeriksaan yang dijalankan, jumlah tangkapan dan jumlah pertuduhan
- Mempunyai bajet pembangunan atau aset pembangunan sebanyak rm 1 bilion atau lebih (tahun terkini)
- Mempunyai tahap persepsi rasuah tinggi
- Bagi kementerian/pejabat setiausaha negeri, taraf risiko diberikan hendaklah sekurang-kurangnya sama dengan taraf risiko tertinggi jabatan di bawahnya. Ini merupakan suatu dasar yang telah ditetapkan ke atas kementerian sebagai mengambil kira kebertanggungjawaban dan akauntabiliti kementerian ke atas agensi-agensinya yang berada di bawahnya. Sebagai contoh, sesebuah kementerian itu secara individu mungkin mempunyai taraf risiko yang rendah atau pun sederhana, tetapi agensi atau pun agensi-agensinya di bawahnya mempunyai taraf risiko yang tinggi, maka secara dasarnya kementerian itu akan ditarafkan sebagai berisiko tinggi.

Berdasarkan kepada penarafan risiko yang telah dibuat, sebanyak 11 kementerian persekutuan, 8 jabatan persekutuan dan 1 badan

berkanun persekutuan adalah bertaraf risiko tinggi. Sederhana – 13 kementerian persekutuan, 9 jabatan persekutuan, 4 badan berkanun persekutuan, 1 pihak berkuasa tempatan persekutuan, 2 kementerian negeri dan 13 jabatan Negeri. Rendah – 104 jabatan persekutuan, 83 badan berkanun persekutuan, 22 kementerian negeri, 371 jabatan negeri, 100 badan berkanun negeri dan 144 pihak berkuasa tempatan Negeri.

Penarafan ini dibuat berdasarkan kepada realiti data-data yang diperolehi oleh SPRM meskipun wujud persepsi bahawa sesebuah agensi itu berisiko tinggi tetapi penarafan yang dibuat adalah bukan tinggi. SPRM tidak boleh membuat penarafan dengan bergantung sepenuhnya kepada persepsi sahaja, tetapi perlu juga mengambil kira kriteria-kriteria yang dinyatakan di atas tadi. Kombinasi kriteria-kriteria ini diambil kira dan menghasilkan taraf risiko yang sewajarnya..

7. Adakah Jabatan Kerajaan yang berisiko tinggi telah menubuhkan Unit Integriti dan pegawai SPRM telah ditempatkan di sana?

Setakat ini, agensi berisiko tinggi yang telah menubuhkan UI ialah Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Seramai 8 pegawai kanan SPRM telah ditempatkan di Kementerian Pendidikan (1 P54), Jabatan Imigresen Malaysia (1 P54), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (1 P54), JPJ (1 P54), UKAS (1 P54 dan P48

8. Adakah pegawai SPRM cukup untuk ditempatkan di semua 700 jabatan kerajaan? (Pegawai SPRM difahamkan tidak mencukupi)

Penempatan pegawai-pegawai SPRM hanya dibuat kepada agensi-agensi berisiko tinggi iaitu dari kalangan pegawai bergred P54 dan P44 serta kepada agensi-agensi berisiko sederhana dari kalangan pegawai bergred P44 sahaja. Bagi agensi-agensi berisiko Rendah, tiada pegawai SPRM akan ditempatkan di Agensi berkenaan. Agensi-agensi di mana Ketua UI bukanlah dari kalangan pegawai SPRM, ianya akan diketuai oleh pegawai-pegawai agensi itu sendiri yang mempunyai kelayakan sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (Certified Integrity Officer (CeIO)). Kursus CeIO ini dilaksanakan oleh MACA dan sehingga kini sejak dari tahun 2010 lagi MACA telah melatih seramai 155 pegawai awam dan swasta yang terdiri daripada 10 pegawai negeri, 84 pegawai kementerian/jabatan persekutuan termasuk 16 pegawai SPRM dan 61 pegawai swasta/pertubuhan.

Penempatan pegawai-pegawai SPRM akan dibuat sebaik sahaja agensi mendapat kelulusan waran perjawatan. Kita sememangnya akan merasai sedikit kekangan untuk menempatkan pegawai-pegawai kita secara serentak di agensi-agensi ini, namun begitu kita tetap komited untuk melaksanakan penempatan ini sebagai satu daripada tanggungjawab kita selaras dengan pekeliling perkhidmatan ini. Kita akan mempunyai cukup pegawai untuk ditempatkan kerana kita akan memperolehi seramai 150 orang pegawai baru pada setiap tahun sepertimana yang telah diluluskan oleh Kerajaan sebelum ini. Penempatan pegawai SPRM di agensi-agensi ini bukanlah merupakan suatu kehilangan atau kerugian kepada SPRM tetapi sebaliknya adalah merupakan suatu pendekatan baru dalam usaha menginstitutionkan integriti di Agensi awam dan seterusnya juga memerangi Rasuah dalam perkhidmatan awam. Pegawai-pegawai SPRM akan bersama-sama dengan pegawai-pegawai agensi itu sendiri dalam usaha penginstitutionan integriti ini dan akan memberikan panduan serta tunjuk ajar kepada agensi-agensi berkenaan di samping akan turut memperolehi pengalaman dan mempelajari proses kerja di agensi berkenaan bagi memantapkan lagi pengetahuan mereka dalam bidang tugas pencegahan rasuah apabila mereka kembali semula bertugas di SPRM kelak.



← 3rd Annual National Procurement & Integrity Forum For Public and Private Sectors 2014 di Hotel Istana Kuala Lumpur

↓ Dato' Sutinah Sutan menyampaikan cenderahati kepada delegasi Turkey yang mengadakan Kunjungan Hormat ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya



← Delegasi dari The Executive Committee For Strengthening The Figh Againts Corruption And Improving Transparency Turkey bergambar kenangan bersama Menteri di JPM, Datuk Paul Low Seng Kuan



↑ Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat Syarikat Anak PKNS, di Dewan Utama HPAIC Shah Alam



↑ Sesi Tazkirah oleh Ustaz Nik Mohd Sukiman Nik Yusof sempena Simposium Pemerksaan Integriti Pendidikan Ke Arah Pembenterasan Rasuah, di Institut Aminuddin Baki Pahang



↑ Pemudahcara SPRM memberi penerangan kepada peserta Simposium Pemerksaan Integriti Pendidikan Ke Arah Pembenterasan Rasuah di Institut Aminuddin Baki, Pahang



↑ Kunjungan Hormat oleh Pergerakan Pemuda MCA Malaysia, di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya



Ketua Pengarah Labuan FSA, Ahmad Hizzad Baharuddin menyerahkan Ikrar Integriti Korporat yang telah dimeterai kepada Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Datuk Hajah Sutinah Sutan sambil diperhatikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paul Low Seng Kuan dan Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

↓ Pameran sempena Majlis Pelancaran Pelan Integriti Felda Global Ventures Holding Bhd (FGV), di Dewan Merak Kayangan Felda, KL



↑ Sesi Pembentangan oleh wakil dari Kementerian Pelajaran Malaysia di dalam Mesyuarat Elemen Pencegahan Rasuah Dalam Pendidikan Sekolah

TRENDS & PATTERNS RASUAH DI MALAYSIA



Rasuah bukan masalah sosial. Ia merupakan satu jenayah berat yang mampu membinasakan sesebuah kerajaan. Sejarah membuktikan, jenayah ini telah meruntuhkan banyak empayar, memusnahkan bangsa dan tamadun manusia. Empayar Rom, Empayar Uthmaniah dan Dinasti Ming yang tidak terurus pentadbirannya menyebabkan tentera serta kakitangan awamnya terpaksa mengamalkan rasuah sehingga akhirnya hancur. Demikian juga dengan kisah kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka akibat berlakunya amalan rasuah dalam kalangan raja dan pembesarnya. Kerajaan Nasionalis China Kai Shek di China, Pichard Nixon di Amerika, Marcos di Filipina dan Presiden Mobuto di Zaire tumbang kerana gejala yang sama. (Dato' Sri Najib Razak, 1997)

Pengertian rasuah bukan sahaja melibatkan perbuatan memberi dan menerima rasuah. Ia lebih luas dan kompleks. Hakim YA Raja Azlan Shah semasa membuat keputusan dalam kes PP v Dato Harun bin Idris (1997) mendefinisikan rasuah sebagai "Corrupt means doing an act knowing that the act done is wrong, doing so with evil intention"...purposely doing an act which the law forbids'. Corrupt is a question of intention. If the circumstances show that what a person has done or has omitted to do was moved by an evil intention or a guilty mind, then he is liable under the section." (PP v Dato Harun bin Idris, 1997. 1 MLJ 15)

Definisi rasuah lebih luas diberikan United Nations Development Programme (UNDP) iaitu 'misuse of public power, office or authority for private benefit – through bribery, extortion, influence-peddling, nepotism, fraud, speed money or embezzlement'. (UNDP, 2011)

Daripada segi kesan rasuah, dianggarkan ketirisan disebabkan jenayah ini adalah bersamaan 5% daripada Gross Domestic Product (GDP) dunia iaitu lebih kurang USD 2.6 trilion. Setiap tahun, kira-kira USD1 trillion rasuah dibayar seluruh dunia. Rasuah menyebabkan penambahan kos menjalankan perniagaan sebanyak 10%. (International Chamber of Commerce dan Transparency International, 2011).

Jenayah rasuah di Malaysia

Kerajaan Malaysia begitu memandang serius jenayah rasuah dan komited untuk memeranginya. Perdana Menteri, Dato' Sri Najib dipetik berkata "Kerajaan menjadikan rasuah musuh nombor satu negara" (Dato' Sri Najib, 2012). Dalam Syarahan Kelab Komanwel di San Francisco pada 24 September 2013, beliau turut menyebut "I want to make corruption part of Malaysia's past, not its future." (Dato' Sri Najib, 2013). Antara inisiatif utama kerajaan dalam usaha membanteras rasuah adalah menaik taraf Badan Pencegahan Rasuah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Penstrukturan baru dibuat dengan mewujudkan lima pemantau bebas untuk memastikan SPRM

melaksanakan fungsinya secara bebas, telus dan profesional.

Kuasa SPRM untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap jenayah rasuah diberi melalui Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009). Kesalahan rasuah yang diperuntukkan melalui akta ini merangkumi perbuatan meminta dan menerima suapan; menawar dan memberi suapan; tuntutan palsu; dan salah guna kedudukan oleh penjawat awam.

Siapa yang terlibat?

Sesiapa sahaja boleh terjebak dalam jenayah rasuah. Salah satu cara untuk mengetahui siapa yang terlibat dalam jenayah rasuah adalah dengan menganalisa individu-individu yang ditangkap SPRM.

Dalam tempoh 10 tahun iaitu dari 2003 hingga 2012, seramai 5,864 individu ditangkap atas pelbagai kesalahan rasuah. Tangkapan mengikut jenis kesalahan adalah seperti berikut:

- Meminta dan menerima suapan (57%);
- Menawarkan dan memberi suapan (30%);
- Tuntutan palsu (8%); dan
- Salah guna kedudukan oleh penjawat awam (1%)
- Lain-lain kesalahan (4%).

Seperti jenayah lain, majoriti (94%) daripada pesalah rasuah adalah lelaki. Profil pesalah rasuah berbeza mengikut jenis kesalahan yang dilakukan. Berdasarkan data tangkapan, persepsi umum bahawa hanya penjawat awam terlibat rasuah adalah tidak benar sama sekali. Ini kerana, jumlah tangkapan terhadap penjawat awam berbanding swasta dan orang awam tidak banyak bezanya. Tidak mengambil kira tangkapan terhadap warganegara asing, tangkapan terhadap penjawat awam adalah seramai 2,725 (52%) dan swasta/orang awam seramai 2,430 (47%).

a. Kesalahan meminta dan menerima rasuah

Kesalahan ini boleh dilakukan oleh semua orang sama ada pegawai awam, swasta, ahli perniagaan dan orang biasa.

Kesalahan berlaku apabila seseorang itu meminta atau menerima sebarang bentuk rasuah sebagai ganjaran melakukan sesuatu perkara yang tidak mengikut (atau melanggar) peraturan.

Seramai 3,364 individu ditangkap kerana kesalahan ini. Majoriti terdiri daripada bangsa Melayu (2,534 orang atau 75%). Dalam kalangan tangkapan melibatkan warganegara Malaysia (3,292 orang), 62% adalah penjawat awam. Sebahagian besarnya adalah kumpulan sokongan.

Fakta ini tidak menghairan kerana penjawat awam mempunyai banyak peluang untuk terlibat dengan jenayah rasuah dan majoriti penjawat awam adalah berbangsa Melayu. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim, penjawat awam terdiri daripada 77.4% Melayu, China (6.2%), India (4.1%), Bumiputra Sabah (6.6%), Bumiputra Sarawak (4.3%) dan lain-lain bangsa 1.4%. (Sinar Harian Online, 2013).

b. Kesalahan menawar dan memberi rasuah

Kesalahan berlaku apabila seseorang itu menawarkan atau memberi rasuah bertujuan untuk mendapat faedah bagi dirinya sendiri tanpa mengikut peraturan yang ditetapkan.

Seramai 1,774 individu ditangkap kerana kesalahan ini. Hampir semuanya (97%) kakitangan swasta dan orang awam. Paling ramai ditangkap kerana jenayah ini adalah kaum Cina (37%) dan warga asing (32%). Faktor utama ramai kaum Cina terlibat kerana kebanyakannya bekerja di sektor swasta atau bekerja sendiri. Kekekapan berurusan dengan pejabat kerajaan bagi mendapatkan pelbagai bentuk perkhidmatan meningkatkan risiko untuk terjebak dalam kesalahan memberi rasuah. Dari segi usia pula, 36% tangkapan berumur di bawah 30 tahun dan 29% berumur antara 31 hingga 40 tahun.

c. Membuat tuntutan palsu

Kesalahan berlaku apabila seseorang itu mengemukakan dokumen tuntutan yang mengandungi maklumat tidak benar (palsu). Tuntutan palsu yang dikemukakan kepada pejabat (contoh kerajaan atau swasta) bertujuan bagi mendapat keuntungan peribadi.

Berdasarkan jumlah tangkapan, kecenderungan melakukan kesalahan ini adalah sama antara kakitangan sektor kerajaan (52%) dan swasta (48%). Fakta ini menunjukkan sektor kerajaan dan swasta mempunyai peluang yang sama banyak untuk terjebak dalam perbuatan tuntutan palsu.

d. Menggunakan jawatan awam untuk mendapatkan suapan

Kesalahan ini juga dikenali sebagai salah guna kedudukan oleh penjawat awam. Seperti namanya, ia hanya melibatkan penjawat awam sahaja.

Salah guna kedudukan bermaksud, seseorang yang mempunyai kedudukan membuat sesuatu keputusan atau mengambil tindakan yang dapat menguntungkan dirinya atau keluarganya.

Contohnya, Pengarah Bahagian Pentadbiran Jabatan A (Kerajaan) meluluskan kontrak penyelenggaraan kepada syarikat yang dimiliki adiknya. Tindakan beliau itu menguntungkan syarikat milik keluarganya.

Kesalahan ini merupakan yang paling sukar untuk dibuktikan dalam siasatan. Dalam tempoh 10 tahun, hanya 77 individu ditangkap kerana kesalahan ini. Daripada jumlah itu, hampir semua berbangsa Melayu dan Bumiputra Sabah/Sarawak. Hanya seorang sahaja berbangsa Cina. Majoritinya berumur 41 tahun ke atas.

Rasuah oleh warga asing

Dalam 10 tahun, 657 warga asing ditangkap. Seperti yang disebut sebelum ini, kebanyakan (88%) warga asing ditangkap kerana kesalahan menawar dan memberi suapan. Berdasarkan rekod SPRM, paling ramai adalah dari negara Indonesia (202 orang atau 31%), Bangladesh (103 orang atau 16%), Pakistan (82 orang atau 12%), Myanmar (62 orang atau 9%) dan India (39 orang atau 6%).

Jumlah rasuah terlibat

Nilai rasuah berbeza mengikut jenis kes dan siapa yang terlibat. Apa yang menarik, berdasarkan rekod SPRM, terdapat segelintir pelaku rasuah 'malang' yang ditangkap kerana memberi atau menerima rasuah dalam jumlah yang amat kecil. Dalam kes rasuah, walau sekecil manapun jumlah rasuah terlibat, akibatnya sama.

Bagi kesalahan meminta dan menerima rasuah, nilai rasuah terlibat adalah serendah RM10 dan paling tinggi USD 20 juta. Dari 2003 sehingga 2012, 35 individu ditangkap kerana menerima suapan kurang daripada RM50.

Contoh: Pada 9 Disember 2011, seorang korporal polis ditangkap kerana menerima suapan RM10.00 sebagai balasan tidak melakukan pemeriksaan terhadap barangan seludup dan bercukai yang dibawa masuk ke negara ini oleh pelawat Thailand.

Manakala bagi kesalahan menawar dan memberi suapan, nilai paling rendah adalah RM3 sehingga RM1 juta. Seramai 431 individu ditangkap kerana memberi rasuah kurang daripada RM50. Daripada jumlah itu, 44 ditangkap kerana memberi rasuah kurang RM10. Adakah berbaloi ditangkap kerana jumlah sekecil itu?

Contoh 1: Pada 8 Oktober 2010, seorang pesalah trafik ditangkap polis kerana cuba memberi rasuah RM3.00 bagi mengelakkan disaman.

Contoh 2: Pada 2 Mei 2008, seorang individu ditangkap kerana cuba memberi rasuah kepada seorang anggota polis sebanyak RM7.00 dengan harapan tidak disaman kerana memandu dalam keadaan mabuk serta memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh.

Kesimpulan

Memerangi rasuah tidak hanya terletak di atas bahu SPRM sahaja. Masyarakat sendiri dapat menentukan tahap rasuah di negara kita. Punca utama jenayah ini berlaku adalah akibat ketiadaan integriti dalam diri seseorang individu. Sekiranya anda menganggap negara kita mempunyai masalah rasuah yang serius, sebenarnya anda mempunyai peranan untuk menjadikan negara kita lebih baik. Caranya mudah, jangan beri dan jangan terima rasuah. Sebagai rakyat Malaysia yang bermimpikan negara yang bebas rasuah, laporkan pelakuan rasuah yang berlaku kepada SPRM. Tindakan 'tidak mahu jaga tepi kain orang' tidak akan membantu mengurangkan jenayah rasuah. Bukan sahaja lapor, tetapi bantu SPRM dalam siasatan dan pendakwaan. Hentikan kritikan tidak membina kepada SPRM. Buktikan dengan perbuatan bahawa anda benar-benar mahu membanteras rasuah. Anda boleh lakukan perubahan, PERANGI rasuah!

Nota: Artikel ini berdasarkan projek akhir penulis untuk Program Master of Science in Economic Crime Management, Help University bertajuk 'An Analysis of Trends and Patterns of Corruption in Malaysia from the Malaysian Anti Corruption Commission's Perspective'.

Begini Kesudahannya

Perjalanan hidup ini penuh dengan dugaan yang harus diharungi. Adakah diri kita cukup kuat untuk menghadapi semua ini? Satu kisah benar buat tauladan dari pengalaman yang diperolehi sewaktu menjadi pegawai penyiasat satu ketika dahulu.

Kes ini berlaku sekitar tahun 2009, arahan yang diterima dari Ketua Cawangan adalah untuk membuat pemeriksaan dan penggeledahan di rumah Orang Kena Tangkap (OKT) yang terletak di kawasan Sungai Besar, Selangor selepas tangkapan dilakukan ke atas seorang penjawat awam yang dikatakan menerima wang rasuah secara bulanan daripada pengadu sebanyak RM 700.00.

Suatu petang yang hening lingkungan jam 3 petang, saya bersama beberapa orang pegawai penyiasat dan turut bersama adalah OKT, kami telah bertolak ke lokasi rumah beliau yang terletak di kawasan perumahan Sungai Besar. Sepanjang perjalanan kami dari Teluk Intan ke Sungai Besar Encik Ahmad (bukan nama sebenar) kelihatan sugul dan hanya mendiamkan diri. Walau bagaimanapun, sewaktu kami menghampiri kawasan perumahan tersebut, Encik Ahmad telah menyatakan sesuatu kepada saya dan beberapa pegawai SPRM yang lain yang mana dia mahu kami membuka gari di tangannya dan berjanji untuk memberikan sepenuh kerjasama kepada kami. Apabila kami bertanya kenapa, dengan secara tiba-tiba Encik Ahmad menangis, dia tidak mahu anak-anak, isteri serta ibunya yang sedang uzur melihat keadaannya sebegini kerana ianya akan memberikan tekanan kepada keluarganya. Oleh yang demikian, setelah mendapat kebenaran daripada Ketua Cawangan kami, gari telah dibuka sejurus sahaja kami tiba di rumah teres kos sederhana dengan cat kusam setelah 1 jam setengah perjalanan kami.

Ketibaan kami di rumah tersebut disambut dengan suara anak-anak yang sedang menangis dan kelihatan seorang wanita lingkungan umur 30-an sedang menguruskan 2 orang anak-anak yang masing-masing berusia dalam 2 hingga 4 tahun. Sejurus kami memberi salam, isteri Encik Ahmad, Puan Amira (bukan nama sebenar) datang ke muka pintu dan dia kelihatan terkejut melihat Encik Ahmad dan kami turut bersamanya. Puan Amira dengan segera pergi kepada Encik Ahmad, dan bersalam dengan suaminya.

Secara tiba-tiba Encik Ahmad memeluk isterinya dan menangis serta meminta maaf terhadap isterinya, Encik Ahmad

menyatakan kepada Puan Amira bahawa dia menyesali dengan segala perbuatannya. Kami yang berada di situ turut terasa kesedihannya. Puan Amira kelihatan terpinga-pinga dengan kelakuan suaminya. Seterusnya saya telah pergi kepada mereka dan menjelaskan kepada Puan Amira bahawa kami dalam proses siasatan dan memerlukan untuk membuat pemeriksaan dan penggeledahan di rumah beliau bagi mendapatkan bukti-bukti yang mana menunjukkan bahawa Encik Ahmad memang ada menyimpan duit-duit hasil rasuah di dalam rumah itu. Puan Amira hampir terjatuh setelah saya menjelaskan bahawa suaminya terlibat dengan kesalahan jenayah rasuah.

Puan Amira telah mempersilakan kami masuk ke dalam rumahnya sambil diiringi oleh Encik Ahmad, anak-anak terus menerpa kepada Encik Ahmad, mereka kelihatan rindu terhadap ayahnya. Encik Ahmad mendukung kedua-dua anaknya. Dia seterusnya menyatakan kepada kami, bahawa kami bolehlah membuat prosedur pemeriksaan dan penggeledahan itu. Setelah selesai membuat penggeledahan di bahagian ruang tamu, tiada sebarang bukti dijumpai, beliau kemudiannya membawa kami ke bilik tidur utama dan membenarkan kami membuat pemeriksaan, semasa pemeriksaan tersebut, Encik Ahmad sentiasa berada bersama kami. Kemudiannya kami telah menjumpai buku akaun milik Encik Ahmad dan Encik Ahmad telah mengakui bahawa setiap wang rasuah tersebut telah dimasukkan ke dalam akaun itu dan beliau sekali lagi menyatakan bahawa beliau benar-benar menyesal dengan tindakannya sebelum ini.

Kemudiannya kami telah di bawa ke bilik belakang yang mana ibu Encik Ahmad diletakkan dan beliau kelihatan sedang berehat, terbaring di atas sebuah tilam sederhana tebal, setelah kami memberikan salam, beliau hanya senyum. Saya terus pergi kepadanya dan bersalam dengannya. Seterusnya saya meminta kebenaran untuk membuat sedikit pemeriksaan di bilik tersebut. Makcik itu hanya memandang ke arah Encik Ahmad tanpa bertanya apa-apa. Sejurus pemeriksaan selesai dilakukan, dan didapati tiada bukti di situ, Encik Ahmad meminta kebenaran kami untuk pergi

berjumpa dengan ibunya terlebih dahulu sebelum kami menahannya semula, saya memberikan kebenaran kepada Encik Ahmad, beliau terus menerpa kepada ibunya dan meminta maaf di atas segala kesalahan yang telah dilakukan olehnya. Hanya bunyi tangisan seorang ibu dan kata-kata yang sangat terkesan di dalam hati ini ialah, apapun yang terjadi ibu akan sentiasa memaafkan anak-anak ibu, bertaubatlah sementara punya kesempatan.

Setelah selesai menjalankan pemeriksaan dan penggeledahan di dalam rumah tersebut, kami telah menyatakan kepada isteri Encik Ahmad, Puan Amira bahawa kami perlu membawa Encik Ahmad kembali ke pejabat untuk meneruskan lagi prosedur siasatan sehingga ianya selesai, dan kami juga telah meminta Puan Amira untuk hadir ke pejabat disuatu masa nanti untuk menjamin Encik Ahmad dari tahanan.

Kes Encik Ahmad telah disyorkan untuk didakwa ke mahkamah, dan setelah prosedur pendakwaan dilakukan, Encik Ahmad dijatuhkan hukuman bersalah. Beliau telah dihukum penjara dan didenda. Sewaktu saya berjumpa dengan Encik Ahmad sebelum dia dibawa ke penjara, beliau telah menyatakan kepada saya bahawa beliau bersyukur kerana telah diberikan hukuman di dunia, dan beliau berjanji untuk bertaubat dan tidak akan melakukan kesalahan rasuah lagi. Encik Ahmad dijatuhkan hukuman penjara 30 hari dan denda RM 10,000.00. Beliau juga telah dibuang kerja.

Inilah yang terjadi sekiranya seseorang itu tidak mampu mengawal nafsu dan perasaan apabila dia mempunyai ruang dan peluang untuk melakukan kesalahan jenayah rasuah. Jangan diikutkan sifat tamak haloba yang hanya inginkan kekayaan kerana ianya tidak akan kekal lama. Menyesal kemudian tidak berguna, tapi bersyukurlah kerana masih diberi kesempatan untuk memperbaiki setiap kesilapan yang pernah dilakukan. Semoga Encik Ahmad sekeluarga terus tabah meneruskan kehidupan yang mendatang. Kisah ini sebagai pengajaran buat saya dan juga buat semua.

Merakyatkan SPRM

Merakyatkan bererti menyebarkan sesuatu ilmu, amalan (baik) dan sebagainya secara meluas kepada seluruh rakyat: Usaha dijalankan utk ~ ilmu kebudayaan dan tatasusila (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Selaras dengan usaha kerajaan untuk "Merakyatkan Perkhidmatan Awam", SPRM juga turut mengambil langkah untuk "Merakyatkan SPRM" dalam menyahut seruan tersebut.

Dalam amanat sempena Pelancaran Booklet Merakyatkan Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, dipetik berkata " konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam ini adalah satu konsep yang perlu dipupuk oleh semua penjawat awam untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan menepati keperluan, kehendak dan aspirasi rakyat."

Jalinan hubungan dengan masyarakat merupakan satu elemen penting untuk memastikan kecemerlangan perkhidmatan sesebuah jabatan. Bagi SPRM, hubungan dengan masyarakat ini telah terjalin sejak dulu lagi (sejak zaman BPR) terutama semasa mengadakan komunikasi bersemuka melalui program-program seperti ceramah, majlis penerangan, bengkel dan seminar.

Fokus SPRM pada tahun 2014 adalah "Merakyatkan SPRM" seperti yang digagaskan oleh YBhg Tan Sri Ketua Pesuruhjaya SPRM. Apa yang dimaksudkan ialah kita perlu pergi lebih jauh dalam usaha mendekati rakyat. Kita telah mengenal pasti pihak-pihak yang mewakili rakyat dan sedang berusaha meningkatkan interaksi dengan mereka. Tujuannya adalah untuk membantu SPRM dalam usaha memerangi rasuah. Lantaran itu, kita akan memperbanyakkan aktiviti bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), parti-parti politik, belia, pelajar, dan semua stakeholder yang perlu didekati.

NGO mewakili sekumpulan masyarakat yang mendesak atas isu-isu tertentu. Kita juga mendekati ahli politik tanpa mengira ideologi. Ini kerana kita berpandangan musuh kita ialah rasuah,



sesiapa juga yang membenci rasuah ialah sahabat kita, sesiapa yang memberi rasuah pula ialah musuh kita. Jika berpegang pada prinsip tersebut, maka sesiapa sahaja yang hendak memerangi rasuah perlu menolak tepi ideologi masing-masing.

SPRM akan menumpukan dan memberi perhatian serius kepada keluhan rakyat yang berkait rapat isu rasuah. Ini bermakna setiap keluhan itu akan diterjemahkan ke dalam proses siasatan, pencegahan dan tindakan dalam merangka program pendidikan. Ini penting kerana dengan mendengar keluhan rakyat, pegawai SPRM dapat mengenalpasti apa yang menjadi agenda dan keprihatinan rakyat.

Enam prinsip telah digariskan oleh Perkhidmatan Awam dan SPRM sebagai salah satu agensi menyokong penuh enam prinsip ini. Enam prinsip dalam Merakyatkan Perkhidmatan Awam:-

- Kerjasama
- Kekitaan
- Insaniah
- Musyawarah
- Turun Padang
- Keterbukaan

Apa yang diharapkan dengan adanya pendekatan ini, rakyat tidak lagi mempertikaikan tugas dan tanggungjawab SPRM. Matlamat yang mahu dicapai tidak akan berjaya tanpa sokongan masyarakat. Bersama-samalah kita menyahut slogan "Anda Boleh Lakukan Perubahan, PERANGI Rasuah".

BELASUNGKAWA

Allahyarham Tuan Hj. Ab. Rahim bin Mohamed



Kampung Pulau Hilir, Kubang Kerian, Kota Bharu.

Allahyarham mula bertugas dengan SPRM (BSN pada masa itu) mulai 3.Januari.1978 sebagai Pembantu Siasatan (KR17) dan bersara pada Januari 2013 dengan jawatan Penguasa Kanan (P44) setelah bertugas selama 35 tahun. Allahyarham adalah salah seorang dari 3 pegawai SPRM yang pernah cedera ditembak semasa tugas rasmi di Kelantan sedikit masa dulu.

Allahyarham Puan Rusini binti Arshad



Puan Rusini binti Arshad memulakan tugas sebagai seorang jurutaip pada tanggal 1 Jun 1979 bersama Biro Siasatan Negara (ketika itu). Allahyarhamah kemudiannya bertugas sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred 17 mulai 2 Julai 2009 di bahagian Siasatan SPRM.

Allahyarhamah meninggal dunia setelah terlibat dengan kemalangan jalanraya pada tanggal 9 Januari 2014 ketika dalam perjalanan pulang dari tempat kerja. Beliau meninggalkan suami dan 4 orang anak. Allahyarhamah dikenali sebagai seorang yang peramah dan baik di kalangan pegawai dan kakitangan SPRM.

Semoga Allahyarham dan Allahyarhamah ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Al-fatihah.

SIRI 'ROAD TOUR' TAKLIMAT PENCEGAHAN RASUAH KIAN MEMBERI IMPAK POSITIF.



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengambil inisiatif mengadakan Siri 'Road Tour' Taklimat kepada beberapa agensi yang dikenal pasti oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) SPRM sebagai agensi bertaraf Risiko Tinggi.

Penarafan agensi ini dibuat berdasarkan pengiraan 'weightage' data-data perangkaan SPRM dari tahun 2009 hingga 2012 iaitu jumlah Maklumat Rasuah yang diterima oleh SPRM, jumlah kertas-kertas Siasatan, risikan dan Pemeriksaan yang dijalankan, jumlah tangkapan dan jumlah pertuduhan.

Antara agensi yang terlibat dalam siri jelajah ini ialah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), PUSPAKOM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Objektif utama siri jelajah ini dibuat adalah memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pegawai-pegawai JPJ, PUSPAKOM dan KPDNKK mengenai usaha pencegahan rasuah dari peringkat dalam jabatan itu sendiri.

Selain itu bengkel ini juga dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran peserta berkaitan rasuah.

Siri jelajah yang dimulakan pada tahun 2012 ini kian menghasilkan impak positif. Hasilnya beberapa kes yang dilaporkan melibatkan pemberi rasuah berjaya dibawa ke pengadilan dan disabitkan kesalahan.

Menerusi siri jelajah ini, membuktikan dengan kerjasama pelbagai pihak jenayah rasuah boleh dikekang dan dihapuskan sekiranya usaha dan pendekatan ini diteruskan.

SPRM Terengganu BERSAMA ADUN



Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) merupakan golongan yang sangat berpengaruh dan dipercayai oleh masyarakat. Justeru, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Terengganu telah mengadakan Program Perjumpaan Bersama Pemimpin Politik (ADUN) sekitar negeri Terengganu bertarikh 17 Disember 2013.

Bertempat di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, seramai 19 ADUN termasuk YAB Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said dan 9 orang Pegawai Khas YAB Menteri Besar Terengganu turut hadir dalam program ini.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman kepada ADUN-ADUN ini berhubung usaha-usaha kerajaan khususnya SPRM ke arah mencegah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi gambaran bahawa semua golongan masyarakat terutamanya pemimpin-pemimpin khususnya di Negeri Terengganu boleh berganding bahu bersama SPRM dalam memastikan usaha-usaha SPRM mencapai matlamatnya. Pemimpin-pemimpin ini menjadi golongan sasaran kerana mereka merupakan penyampai mesej kepada masyarakat setempat.

Sepanjang program berlangsung, beberapa aktiviti telah dijalankan. Antaranya sesi taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Bahagian Siasatan, Datuk Mustafar Ali, sesi soal jawab di antara Datuk Mustafar dan ADUN serta sidang media yang turut disertai oleh YAB Menteri Besar.

Di akhir program, 80% peserta mengetahui tentang kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, saluran penyampaian maklumat kepada SPRM serta fungsi Sekretariat kepada SPRM. 100% peserta mencadangkan supaya program ini diteruskan dari semasa ke semasa ke semua lapisan masyarakat.



SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR

KUANTAN, 7 Januari- "Ini adalah satu perkara yang cukup penting", "kita tidak perlu tunggu bantuan kerajaan dan telah mengambil inisiatif untuk mengutip sumbangan daripada kalangan pegawai dan kakitangan SPRM bagi meringankan beban yang ditanggung warga SPRM", tegas YBhg Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed semasa majlis penyampaian sumbangan terhadap mangsa banjir semalam.

Dalam ucapan beliau juga turut menekankan bahawa apabila berlakunya bencana seperti banjir, ianya merupakan satu tragedi yang memberi kesan kepada masyarakat.

Jelas Abu Kassim lagi, ketika bencana banjir tersebut berlaku, beliau yang berada di Hong Kong telah menerima berita mengenai bencana tersebut dan merasa amat dukacita dan bersimpati dengan kejadian yang menimpa . Abu Kassim menegaskan lagi, beliau mengarahkan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Dato' Sri Shukri Abdull bagi mengambil tindakan segera dengan memberi bantuan sewajarnya kepada pegawai dan kakitangan SPRM yang terlibat.

Tan Sri Abu Kassim menegaskan lagi, walaupun bantuan yang dihulurkan tidak sebesar mana jika dibandingkan dengan kehilangan harta benda yang terpaksa ditanggung, sekurang-kurangnya ianya dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh pegawai dan kakitangan SPRM.

Kehadiran Tan Sri Abu Kassim pada majlis tersebut dapat meningkatkan moral pegawai dan kakitangan SPRM di atas keprihatinan pengurusan tertinggi SPRM.

Abu Kassim turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengarah SPRM Pahang kerana mengambil inisiatif membuka Pusat Pemindahan di Bangunan Gunasama Kompleks SPRM Pahang.

SPRM harus memberi penekanan terhadap kes-kes rasuah yang dapat memberi impak kepada alam semulajadi terutamanya di tempat-tempat tanah tinggi seperti di Cameron Highlands, ujar Abu Kassim lagi. "SPRM harus memberi penekanan terhadap isu-isu yang melibatkan alam sekitar" Abu Kassim juga menyeru kepada warga SPRM agar dapat menyuarakan masalah kepada Pengarah masing-masing dan beliau akan meneliti setiap masalah yang dihadapi.

Dalam pada itu, ketika ditanya wartawan pada sidang media, Pengarah SPRM Pahang, KPKPj Moh Samsudin menegaskan bantuan tersebut merupakan kutipan yang diperolehi daripada pegawai-pegawai SPRM seluruh Malaysia.

Rata-rata warga SPRM yang ditemui ketika majlis penyampaian sumbangan tersebut menganggarkan jumlah kerugian harta benda sekitar RM2,000 hingga RM25,000 termasuk kerosakan peralatan elektrik, kereta yang ditenggelami air dan kerosakan kerosakan lain.

Pada majlis tersebut, seramai 26 orang kakitangan dan pegawai SPRM Pahang, SPRM Terengganu dan SPRM Johor menerima sumbangan pada Majlis Keprihatinan Pengurusan Tertinggi tersebut.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Bahagian Pemantauan & Penyelarasan, KPKPj Muhammad Salim Sundar bin Abdullah; Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik (BKS) KPKPj Azmi bin Alias, Pengarah SPRM Terengganu, KPKPj Zainal Adam, Timbalan Pengarah SPRM Pahang, KPKPj Zainul Darus, Presiden MJB merangkap Presiden Kelab Sukan dan Rekreasi SPRM, PPJ Ahmad Sabri Mohamed; Ketua Cawangan SPRM Kemaman; Ketua Cawangan SPRM Batu Pahat serta warga SPRM Pahang.



IKRAR INTEGRITI KORPORAT

CORPORATE INTEGRITY PLEDGE (CIP)

PRINSIP-PRINSIP CIP

1

Mempromosikan

Nilai-nilai ketelusan, integriti & tadbir urus yang baik.

2

Memperkuatkan

Mekanisme kawalan dalaman dengan memasukkan elemen-elemen yang menyokong pencegahan rasuah.

3

Pematuhan

Undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan untuk memerangi rasuah.

4

Membanteras

Sebarang bentuk amalan rasuah.

5

Menyokong

Inisiatif pencegahan rasuah yang diusahakan oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Antara Agensi / Syarikat yang telah menandatangani CIP TAHUN 2013

1. Kumpulan Melaka Berhad	4/2/2013	23. SAJ Holdings Sdn Bhd (Johor)	24/9/2013	50. Pusat Pembangunan Kemahiran Pahanj (PSPCK)	18/12/13
2. KESEDAR	9/1/2013	24. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK)	27/9/2013	51. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF)	18/12/13
3. CIDB-KL	14/2/2013	25. Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	29/9/2013	52. Majlis Jgama Islam dan Adat Resan Melayu Pahang (MUIP)	18/12/13
4. Syarikat Air Negeri Sembilan	18/2/2013	26. Ketengah Properties Sdn Bhd	29/9/2013	53. Amanah Saham Pahang (ASPA)	18/12/13
5. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	21/2/2013	27. Ketengah Holdings Sdn Bhd	29/9/2013	54. Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	18/12/13
6. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)	13/3/2013	28. Ketengah Jaya Sdn Bhd	29/9/2013	55. Lembaga Muzium Negeri Pahang	18/12/13
7. Kem. Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKUM)	26/3/2013	29. Kilang Sewi Panj Alam Sdn Bhd	29/9/2013	56. Lembaga Pembangunan Tioman	18/12/13
8. Perbadanan Memajukan Iktisad N. Terengganu (PMINT)	22/4/2013	30. Kolej Ketengah Sdn Bhd	29/9/2013	57. Perbadanan Stadium Darul Makmur	18/12/13
9. Dewan Bandaraya Kuching Utara	17/4/2013	31. Kuari Pondok Limau Sdn Bhd	29/9/2013	58. Kolej Islam Pahang	18/12/13
10. ESPEK SDN BHD (RISDA)	9/7/2013	32. Kuari Tgbaru Tgh Sdn Bhd	29/9/2013	59. Sultan Ahmad Shah (KIPAS)	18/12/13
11. ESPEK LIVESTOCK SDN BHD (RISDA)	9/7/2013	33. Ladang Rakvat & Tours Sdn Bhd	29/9/2013	60. Penguasaan Air Pahang Berhad (PAIP)	18/12/13
12. ESPEK PLANTATIONS SDN BHD (RISDA)	9/7/2013	34. Nikinaga Travel & Tours Sdn Bhd	29/9/2013	61. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	20/12/13
13. KOLEJ RISDA SDN BHD	9/7/2013	35. Rakyat Ketengah Perwira Sdn Bhd	29/9/2013	62. Majlis Perbandaran Alor Gajah	20/12/13
14. PERMODALAN RISDA BHD	9/7/2013	36. Surada Jaya Sdn Bhd	29/9/2013	63. Majlis Perbandaran Jasin	20/12/13
15. PROTAC INSURANCE BROKER SDN BHD (RISDA)	9/7/2013	37. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI	13/10/13	64. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	20/12/13
16. RISDA BAJA SDN BHD	9/7/2013	38. JKP SDN BHD (Pening)	25/11/13	65. Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	20/12/13
17. RISDA BINA SDN BHD	9/7/2013	39. JOHOR CORPORATION	28/11/13	66. Yayasan Melaka	20/12/13
18. RISDA FLEET SDN BHD	9/7/2013	40. LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA	27/11/13	67. Majlis Agama Islam Melaka	20/12/13
19. RISDA HOLDINGS SDN BHD	9/7/2013	41. LSG Braham	2/12/13	68. Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	20/12/13
20. RISDA SEMAIAN & LANDSKAP SDN BHD	9/7/2013	42. PKNS Infra Bhd	17/12/13	69. Syarikat Air Melaka Berhad	20/12/13
21. SMALLHOLDERS DEVELOPMENT CORP SDN BHD (RISDA)	9/7/2013	43. PKNS Holding Sdn Bhd	17/12/13	70. Putra Specialist Hospital	20/12/13
22. FELCRA BERHAD	9/9/2013	44. Worldwide Holding Berhad	17/12/13		
		45. Selangor Industrial Corporation Sdn Bhd	17/12/13		
		46. Majlis Bandaraya Miri (Sarawak)	13/12/13		
		47. Johnson & Johnson Sdn Bhd	24/12/13		
		48. Yayasan Pahang (YP)	18/12/13		



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Panggilan Talian Bebas Tol kami:

1-800-88-6000

BERBAS • TELUS • PROFESIONAL

Email: info@sprm.gov.my

Web: www.sprm.gov.my

SMS: 019-6000 696